



اوتورسوتي مليسيا فهج السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

BULETIN INSANI

Vol 2, Julai - Disember 2023

PUSAT SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH



UMPSAMalaysia
www.umpsa.edu.my

TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT





اوتورسوتي مليسيا فوج السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Kata Aluan Dekan



Bismillahirrahmanirahim,
Alhamdulillah, Tuhan semesta alam, selawat dan salam buat kekasih Allah SWT, Rasulullah SAW, keluarga baginda dan para sahabat. Saya bersyukur ke hadirat Ilahi, yang mengizinkan penerbitan Buletin Insani bilangan ke 4 2023.

Sekali lagi syabas dan tahniah buat sidang redaksi buletin yang diterajui oleh Dr Hasnah Hussiin atas terbitan buletin kali yang ketiga ini. Begitu juga jawatankuasa buletin yang telah bersungguh-sungguh bekerja sebaiknya bagi memastikan kesinambungan terbitan kali ini.

Izinkan saya tegaskan di sini buletin PSK ini merupakan satu saluran pelaporan penerbitan dan aktiviti PSK sepanjang tahun. Usaha ini turut membuka peluang buat pensyarah PSK berkongsi kajian di samping penulisan-penulisan mereka yang terkini. Dengan demikian, harapannya agar dapat dimanfaatkan bersama-sama oleh seluruh pensyarah, warga UMPSA dan masyarakat luar. Saya yakin penerbitan buletin ini akan terus diperkembangkan dan ditambah baik lagi pada masa akan datang.

Rasulullah saw bersabda :

“Barangsiapa yang menunjuki kepada kebaikan maka dia akan mendapatkan pahala seperti pahala orang yang mengerjakannya” (H.R. Muslim no. 1893)

Hadis di atas jelas menyatakan kepentingan untuk berkongsi ilmu yang bermanfaat di mana ilmu yang dikongsikan tersebut sekiranya diamalkan oleh individu maka tuan punya ilmu yang pertama akan memperoleh pahala walaupun dia belum tidak melakukan.

Akhir kata, dengan ini merakam sekali lagi ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan Buletin Insani kali ketiga ini. Lakukanlah dan niatkan kerja-kerja kebajikan ini kerana Allah SWT sebagai penambah bekal kita di akhirat kelak. Ameen.



اوتورسوتى مليسيا فوج السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Laporan Penerbitan



Buku/Modul/Manuskrip Buku

1. Fatmawati Latada, Rohana Hamzah, Nasratun Masngut, Norhidayah Mohamad, Nur Atiqah Mohd Nor, Sahabat Perjalanan Phd, Penerbit UMPSA, 2023.

Bab dalam Buku

1. Dr. Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Pemakanan Halal dan Pembentukan Keperibadian Muslim dalam Halal Issues in Malaysia (Vol.1), 1 November 2023, Penerbit Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).
2. Dr. Tuan Sidek Tuan Muda, Penggunaan Teknologi Stunning Dalam Sembelihan Halal di Malaysia Menurut Perspektif Maqasid Syariah dalam Halal Issues in Malaysia (Vol.1), 1 November 2023, Penerbit Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).



Laporan Penerbitan

Penerbitan Artikel di Jurnal/ Majalah/ Akhbar/ Prosiding

Jurnal

1. Dr. Tuan Sidek Tuan Muda, et.al, A Systematic Literature Review of Intensive Care Unit (ICU) Nurses' Experience During Covid-19.
2. Nor Aisyah binti Ahmad, Hasnah binti Hussiin, PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI PERLIS SEBELUM DAN SELEPAS PENJAJAHAN BRITISH: SATU SOROTAN, INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES TECHNOLOGY AND CIVILIZATION, ISSN: 2289-7216 E-ISSN: 2600-8815, VOLUME 8, ISSUE 2, 2023, 80 – 89.
3. Dr Fatamawati Latada, Husna Hashim, Project Oriented Problem Based Learning (POPBL): An Initiative to Enhance Self-Esteem Among Orphans, International Journal of Modern Education (IJMOE), Volume:5, Issues: 19, December 2023.
4. Dr Mohd Suhardi Mat Jusoh, Mohd Nordin Samah, Noorhuzaimi @Karimah M. Noor, Abdul Kamil Jamaludin, Mohd Nasir Ayub, Sistem Pengurusan Digital Program "Imarah Masjid: Kajian Analisis Keperluan dan Pembangunan.
5. Nordin, N. M., Martin, P., & Bishop, A. J. (2023). Perceived Stress, Coping Behaviors, Social Support and Subjective Health among Unmarried Older Adults. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 13(12), 2478–2492.

Suratkhabar

1. Hasnah Hussiin, "Pahang Negeri Paling Sukar Ditakluki British," 20 September 2023, Kosmo.com.my.
2. Dr. Noradilah Mohd. Nordin, "Penggunaan skrin terlalu lama tingkat potensi kemurungan kanak-kanak", Astro AWANI, 1 September 2023.

Majalah/Buletin

1. Hasnah Hussiin, "Pahang Negeri Paling Sukar Ditakluki British," UMPSA News, 12 September 2023.
2. Hasnah Hussiin, "Latar Belakang Sejarah Tuntutan Sulu Ke Atas Sabah", UMPSA News, 7 September 2023.
3. Hasnah Hussiin, "Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Memperkasa Peradaban Acuan Malaysia", e-CREATE, Bil. 225 Nov. 2023, 3 November 2023.
4. Hasnah Hussiin, "Melahirkan Generasi Acuan Malaysia", 7 December 2023. e-CREATE] Bil. 226 Dis. 2023.
5. Hasnah Hussiin, "Terpahat Dalam Kenangan: UMPSA Menangani Covid-19 (2020-2021) Satu Tinjauan Ringkas, 22 December 2023. e-CREATE] Bil. 227 Dis. 2023.
6. Dr. Tuan Sidek Bin Tuan Muda, "Menghayati Nikmat Kemerdekaan Negara Menurut Perspektif Maqasid Syariah," UMPSA News, 4 September 2023.
7. Profesor Madya Dr Mahyuddin Ismail, Menyingkap Rahasia Ilmu Laduni Melalui Perjalanan Nabi Musa dan Nabi Khidir dalam Surat Al Kahfi" disunting dan diterbitkan oleh Jam'iyah Ahlith Thoriqoh al-Mu'tabaroh an-Nahdliyyah (JATMAN), sebuah pertubuhan Pengamal Tarekat Terbesar di Indonesia, 29 Disember 2023.

Penyelidikan

1. Hasnah Hussiin (Ketua), Dr Mardiana Nordin, Dr. Mohamad Hilmi bin Mat Said, Dr. Mohd. Rahimi bin Ramli, Mohd Azam bin Muhammad Akhir, Ahmad bin Ibrahim, Professor Dr Hasan Ahmad, Kelulusan Menjalankan Projek Geran Penyelidikan Sains Sosial berjumlah RM40,000.00 bertajuk "Pendudukan British di Tanah Melayu: Penaungan atau Penjajahan". Tempoh projek 15/06/2023 - 14/06/2025.
2. Hasnah Hussiin (Ketua), Dr. Mohamad Hilmi bin Mat Said, Dr. Mohd. Rahimi bin Ramli, Mohd Azam bin Muhammad Akhir, En. Wan Nazrul Mohd Helmy, Dr mohd. Ikram, Dr. Mohd Saffie, Kelulusan Menjalankan Projek Geran Penyelidikan Sains Sosial berjumlah RM34,400.00 bertajuk "Negeri Sabah: Isu-isu Mengenai Kedudukan dan Kedaulatan Dalam Persekutuan Malaysia". Tempoh projek 01/09/2023 - 31/08/2025.



اوتیورسیتی مالسیا فوہج السلطان عبداللہ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Pembentangan konferens **Perundingan dan Kepakaran**

Perundingan

1. Dr. Mohamad Hilmi bin Mat Said (Ketua Projek), Professor Dr Hasan Ahmad, Dr Abdul Kamil bin Jamaludin, Dr. Mohd Nor Kasturi bin Abd Aziz, Yazid Othman, Ahnaf Wafi Alias, Kelulusan menjalankan kerja perundingan untuk projek Kajian makam lama di Kampung Permatang Pasir, Pekan dan Perkembangan Islam di Pahang, Vot UMP CTS2301146, Vot UMPT 2301422, SUK Pahang, 30 November 2023.

Kepakaran

1. Dr. Muhammad Khalis Ibrahim, Pelantikan Sebagai Penilai Manuskrip Bagi Permohonan Dana Penerbitan Inisiatif Belanjawan 2023, 23 Ogos 2023.

2. Hasnah Hussiin, Lantikan Sebagai Penggubal Soalan Bagi Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL), Komponen Soalan Pengetahuan Am/Pemikiran Kritis, UMP Advanced, 21 Ogos 2023 – 20 September 2023.

3. Dr. Mohamad Hilmi bin Mat Said, Pelantikan Sebagai Pemeriksa Luar Untuk Tesis Siswazah, Master Sains (Falsafah dan Pengajian Ketamadunan), Tajuk Tesis: Penerimaan Aplikasi MOOC Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan Pembentukan Sikap Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam di Malaysia, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 3 Oktober 2023.

4. Dr. Mohamad Hilmi bin Mat Said, Renewal for Letter of Appointment as Fatwa Committee Member/Halal Panel, for the 2 years term 23rd October 2023~22nd October 2025. Muslim Professional Japan Association, 5 Oktober 2023.

5. Dr Hasmadi Hassan, Lantikan Sebagai Pakar Pengesahan Instrumen Kajian Bagi Kajian Pelajar Ijazah Sarjana Ekonomi: Muhammad Zikry bin Hishamudin, Tajuk Kajian: Factor Contributing the Intention to use Digital Platform for Islamic Financial Education Among Malaysian Young Adults, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 5 Oktober 2023.

6. Prof. Madya Dr Mahyuddin bin Ismail, Seminar Isu-isu Akidah dan Syariat dalam perubahan tradisional dan komplementeri, Program Profesor Turun Padang anjuran UMPSA, Masjid Negeri & JAIP, 18 Disember 2023, di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1.

7. Prof. Madya Dr Mahyuddin bin Ismail, pembentangan kertas kerja di Seminar International Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Babussalam Langkat Indonesia, Amalan dan Pengalaman dari Semasa ke Semasa, 4 Disember 2023, Mei 2023.

Jemputan Ceramah

1. Dr Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Jemputan Sebagai Penceramah Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1445H Peringkat Masjid Al-Mustaghfirin AMSAS, 10 Oktober 2023.
2. Dr Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Jemputan Sebagai Penceramah Kuliah Subuh Jom Solat Berjemaah Jom Dengar Kuliah, Masjid Lama Permatang Badak, 23 September 2023.
3. Dr Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Jemputan Ceramah Maulidur Rasul, Masjid Al-Mustaqim Kampung Seri Mahkota, 28 September 2023.
4. Dr Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Jemputan Sebagai Penceramah Bagi Program Tazkirah Bulanan Jabatan Bendahari UMPSA, Pekan, 22 September 2023.
5. Prof. Madya Dr. Hassan Ahmad, Jemputan Sebagai Penceramah Kuliah Maghrib Masjid Lama Permatang Badak, 23 September 2023.
6. Dr. Haji Abdul Kamil, Penceramah Live Webinar "Urge to be A Leader", 16 September 2023.
7. Dr. Mohamad Hilmi Mat Said, Jemputan Sebagai Pembentang Ucaptama Bagi Kolokium Sains Kemanusiaan 2023, tajuk: "Faktor Yang Mempengaruhi Taraf Kehidupan Asnaf di Bawah Program Prihatin Asnaf Masjid Lama Permatang Badak, Kuantan," UMK, 7 September 2023.
8. Dr. Mohamad Hilmi bin Mat Said, Jemputan memberi ceramah kursus umrah anjuran Anda-lusia Travel & Tours Sdn Bhd., Masjid Bukit Setongkol, Kuantan, Pahang, 23 Disember 2023.
9. Hasnah Hussiin, Penceramah Jemputan Program Webinar: Pengorbanan di Sebalik Kemerdekaan, Anjuran Perwakilan Mahasiswa Residen Pelajar 3, UMPSA, 29 Ogos 2023.
10. Hasnah Hussiin, Penceramah Bicara Citra Merdeka Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia di SMK Padang Saujana, Jerantut Pahang, 4 September 2023.
11. Prof. Madya Dr Mahyuddin bin Ismail, Jemputan sebagai tetamu secara langsung bagi program "orang jaman dulu kata", Jabatan Penyiaran Negeri Pahang, 28 Disember 2023.
12. Prof. Madya Dr Mahyuddin bin Ismail, Jemputan sebagai tetamu Program Assalamualai-kum Assatizah di Jabatan Penyiaran Negeri Pahang, 28 Disember 2023.
13. Faida, Rahim and Noradilah, Md Nordin (2023) Penggunaan skrin terlalu lama tingkat potensi kemurungan kanak-kanak. Astro Awani.
14. Faida, Rahim and Noradilah, Md Nordin (2023) Penggunaan skrin terlalu lama tingkat potensi kemurungan kanak-kanak. Mediacorp.
15. Noradilah, Md Nordin (2023) Budaya flex, pamer harta kerana desakan sosial - Adilah Nordin. Astro Awani .
16. Panel Jemputan Astro Awani (Slot Pantau Kerajaan Baharu) – Kerap guna gajet antara punca masalah kesihatan mental kanak-kanak

Anugerah/Pencapaian

1. Professor Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab, Pemenang Utama Penulis Prolif-ik Terbaik dalam Anugerah MAPIM ke-14.
2. Professor Dr Hasan bin Ahmad, Anugerah Buku Negara 2023 menerusi buku Rukunegara dan Pancasila: Ideologi dan Amalan, 22 Disember 2023.
3. Dr Hasmadi Hassan, Dr Mazeni bt Ismail, Nurul Aliah Mustafa, Mohd Azuri Shaari, memenangi pingat silver bagi penyelidikan yang bertajuk Inovasi Pengajaran dalam Kalangan Guru Prasekolah Melalui Kaedah I-Projek” di International Competition on Sustainable Education 2023.
4. Hasnah Hussiin, Pemenang Tempat Pertama Pertandingan Penulisan Rencana Terbaik Sempena Ulang Tahun ke-21 UMPSA.



TAKLIMAT SAMBUNG BELAJAR STAF DARI JAIP

Pada 20 Julai 2023 telah di adakan Taklimat Sambung Belajar kepada Staf Dari Jaip bertempat di bilik Mesyuarat Utama , Pusat Sains Kemansiaan. Taklimat ini di sampaikan oleh Dr Anita binti Abdul Rani selaku Ketua Program Pasca Siswazah di Pusat Sains Kemanusiaan. Tujuan taklimat ini adalah bertujuan untk mempromosikan dan memberi maklumat berkaitan bidang Pasca Siswazah yang terdapat di Pusat Sains Kemanusiaan. Seramai lebih 20 orang staf dari Jabatan Agama Islam Pahang yang telah menyertai taklimat ini.



اوتورسوتى مٲوسيا قوٲ السطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH



KURSUS FORENSIK AMALAN SIHIR DAN PEMUJAAAN SALAH

Pada 26 & 27 Julai 2023 telah diadakan Kursus Forensik Amalan Sihir Dan Pemujaan Salah bertempat di Dewan Tun Fatimah, UMP Gambang. Kursus ini merupakan kursus kemahiran siasatan dan amalan forensik sihir mendedahkan kepada para peserta tentang elemen-elemen penting dalam amalan sihir dan bagaimana untuk melakukan siasatan terhadapnya. Disamping itu, dapat mempromosi program pengajian dan kepakaran yang ada di Pusat Sains Kemanusiaan. Penceramah bagi kursus ini ialah PM Dr. Mahyuddin bin Ismail (Pensyarah PSK). Turut hadir sebagai penceramah ialah Tuan Amidon bin Anan (Pakar Forensik Negara). Seramai 34 orang peserta dari Agensi Kerajaan, Swasta dan Luar Negara telah menyertai kursus ini.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA SAINS KEMANUSIAAN DAN PERADABAN (INTERNATIONAL CONFERENCE ON HUMAN SCIENCES AND CIVILIZATION [ICHSC]) 2023



SPiritual EMPOWERMENT *Islamic View*

Osman Bakar, PhD, FASc



8 & 9 Ogos 2023 - Perpustakaan UMP Gambang

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah telah menganjurkan siri ke 2 Persidangan Antarabangsa Sains Kemanusiaan dan Peradaban (International Conference on Human Sciences and Civilisations-ICHSC 2023) pada 8 & 9 Ogos 2023 bertempat di Auditorium Perpustakaan UMPS Gambang.

Persidangan ini merupakan salah satu persidangan yang di adakan kolaborasi antara Pusat Sains Kemanusiaan dan Universitas Islam Raden Rahmat Malang (UNIRA), Indonesia. Persidangan ini merupakan persidangan berkala yang dijalankan oleh pihak Pusat Sains Kemanusiaan. Kali terakhir ia dijalankan pada tahun 2020. Tahun ini Dengan bertemakan "Sustainable Development Through Spiritual Empowerment", persidangan ini menghimpunkan pakar-pakar, ahli falsafah, ahli akademik, penyelidik dan para pelajar untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar pandangan dalam bidang berkaitan sains kemanusiaan.

Secara umumnya persidangan ini diadakan adalah sebagai suatu inisiatif bagi merencanakan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial di kalangan para penyelidik menerusi fokus kepada tema seperti tersebut di atas. Ia secara tidak langsung dapat membuka ruang kepada wacana ilmiah yang lebih luas serta diharapkan dapat menghasilkan penemuan inovasi baharu atau pun penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan masyarakat semasa.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman. Turut serta adalah Dekan Pusat Sains Kemanusiaan, Dr. Mohamad Hilmi Mat Said dan Rector, Universitas Islam Raden Rahmat Malang (UNIRA), Indonesia, Dr. Imran Rosyadi Hamid.

Sesi ucap terna pada hari ini telah disampaikan oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar selaku Profesor dan Penyandang Kursi Al-Ghazali, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Peradaban Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Profesor Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab yang merupakan Profesor Pusat Sains Kemanusiaan UMPSA.

Selain itu, persidangan ini bertujuan sebagai pemangkin kepada peluang baharu di samping memupuk jaringan dan kerjasama dalam pelbagai aspek termasuk memajukan pengajian, memupuk bakat pascasiswazah serta meneroka prospek kerjaya baharu. Persidangan ini turut disertai oleh seramai 180 peserta yang terdiri daripada penyelidik dan pakar-pakar dari dalam dan luar negara.



MAJLIS JASAMU DIKENANG ENCIK ZULKAMARUL ARIFF BIN ZULKIFLI

Salah seorang staf PSK Encik Zulkamarul Ariff telah bertukar jabatan dari Pusat Sains Kemanusiaan ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA). Beliau mula berkhidmat di PSK pada 3 Ogos 2020. Pada 1 September 2023 beliau telah ditukar penempatan ke JHEPA UMPSA Gambang. Semoga beliau terus cemerlang di Pusat Tanggungjawab yang baru.



PROGRAM RIADAH PSK : MENDAKI BUKIT SULAI

22 September 2023 - Bukit Sulai Gambang

Program Riadah Mendaki Bukit Sulai merupakan salah satu program anjuran Unit Kebajikan dan Pembangunan Insan (UNIKEP). Program ini disertai oleh staf Pusat Sains Kemanusiaan. Sesi tazkirah di adakan di puncak bukit dan disampaikan oleh Dr Abdul Kamil bin Jamaludin.



BENGGKEL PELAKSANAAN ISO PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN IJAZAH SARJANA MUDA (MS9001:2015)

26 September 2023 - Grand Darul Makmur Hotel

Pusat Sains Kemanusiaan telah menganjurkan Bengkel Pelaksanaan ISO Pengajaran dan Pembelajaran Ijazah Sarjana Muda (MS9001 : 2015) bertempat di Grand Darul Makmur Hotel. Bengkel ini merupakan salah satu langkah serta usaha menambahbaik amalan dan Standard Operation Prosedure (SOP) dalam PnP di Pusat Sains Kemanusiaan agar menepati ISO MS 9001:2015. Turut hadir Prof Madya Ir. Dr Norazwina Zainol dalam berkongsi prosedur dan kaedah pelaksanaan ISO di UMPSA.



PENGANJURAN SESI PERTEMUAN & PEMANTAUAN PERKEMBANGAN PENGAJIAN PELAJAR PASCA SISWAZAH PSK

6 Oktober 2023 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Penganjuran Sesi Pertemuan & Pemantauan Perkembangan Pelajar Siswazah PSK telah diadakan di Banquet Hall, Bangunan Canseleri UMP Gambang. Penganjuran ini merupakan salah satu usaha bagi mengadakan pertemuan berkala dan memantau perkembangan pelajar Pasca Siswazah di PSK. Prof Madya Dr Jamal Rizal bin Razali selaku penceramah bagi sesi tersebut telah menyampaikan ceramah bertajuk Metodologi Kajian kepada pelajar.



اوتورسوتي مليسيا فوج السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH



BENGGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN MQA : PROGRAM SARJANA PENGURUSAN INDUSTRI HALAL (KERJA KURSUS), PUSAT SAINS KEMANUSIAAN (PSK), UMPISA

3 – 5 November 2023 - Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur

Bertempat di Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur telah di adakan Bengkel Penyediaan Dokumen MQA : Program Sarjana Pengurusan Industri Halal (Kerja Kursus). Seramai 19 orang staf di PSK yang terlibat dalam penyediaan dokumen MQA ini. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi mendapat kelulusan Akreditasi Sementara oleh MQA untuk penawaran program Sarjana Pengurusan Industri Halal.



اوتورسوتى مٲوسيا فٲى السلتان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH



LAWATAN AKREDITASI PENUH OLEH AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA), KE PUSAT SAINS KEMANUSIAAN, UMPSA BAGI PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (MQA/FA 17128)

Pusat Sains Kemanusiaan telah menerima Lawatan Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 20 –21 November 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama ,PSK. Lawatan ini adalah bertujuan untuk memantau dokumentasi bagi program Doktor Falsafah (MQA/FA 17128). Mesyuarat ini di dahului dengan sesi kata aluan oleh Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman (Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMPSA. Antara panel yang terlibat ialah Ahli Panel Penilai (APP) YBr. Prof Madya Dr. Faisal Ahmad Shah (Pengerusi), YBr. Dr Faizal Abdul Khir (Ahli APP) dan Puan Masfidayanti binti Mokhtar (Pegawai MQA). Turut sama terlibat bagi sesi lawatan ini ialah pihak PIDA, Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan Perpustakaan.



Jamuan Perpisahan Encik Roslan Bin Madun

12 Disember 2023 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah

Pihak Pusat Sains Kemanusiaan telah mengadakan jamuan penghargaan kepada Encik Roslan bin Madun yang merupakan Felo perunding di Pusat Sains Kemanusiaan, UMPSA. Beliau telah mula berkhidmat sebagai Felo Perunding di PSK pada tahun November 2022.



Seloka Aku Budak Kampung

Aku budak kampung
Bila main riuh sekampung
Main guli dan tin kosong
Kerana teknologi belum masuk kam-
pung

Aku budak kampung
Kami tak ada sombong-sombong
bila tanya org kampung
Tu rumahnya di hujung kampung

Aku budak kampung
Setiap hari keluar kampung
Kerana kami tidak mahu terkongkong
Walaupun sekolah di luar kampung

Aku budak kampung
Ada kala rasa kosong
Bila jadi anak sulung
Buku adik aku yang susun

Aku budak kampung
Tanam kacang, tanam jagung
Ayah marah rasa tersinggung
Bila sakit ayah yang gendong

Aku budak kampung
Suka makan durian kampung
Sakitnya badan menanggung
Kerana makan sampai kembung

Aku budak kampung
Seleraku selera kampung
Makan spagetti terasa kosong
Balik balik cari makanan kampung

Aku budak kampung
Suka sangat balik kampung
Jangan dibiarkan jiwa kosong
Nanti sakit tiada yang tolong

Aku budak kampung
Tidak suka meminta tolong
Tapi jika dilaung
Kami datang berbondong-bondong

Nukilan
Aleeyahusna

Sidang Redaksi
Dr Hasnah Hussiin (Ketua Editor)
Dr Muhaimin
Dr Hadijah
Adibah Auni bt Hj Abd Majid
Farah Farhani

Sudut kreatif